

Untuk cegah kegiatan mengkafir

Undang 2 akar digubal-PM

KUALA SELANGOR, Selasa — **Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini berkata, tindakan tegas, termasuk **penggubalan** satu **undang-undang** baru akan diambil **bagi** membanteras kegiatan mengkafirkan orang lain.

Bagaimanapun, keputusan mengenai apakah jenis tindakan tegas yang akan diambil itu atau sama ada undang-undang khas itu perlu diwujudkan 'bergantung kepada keputusan mesyuarat kabinet.

"Kalau sudah ada undang-undang sesiapa yang melanggar sama ada Pas atau Umno, mereka akan dikenakan tindakan," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai arahan Majlis Raja-Raja yang dikeluarkan dalam sidang ke-133nya di Istana Negara semalam supaya beliau mengambil tindakan tegas menghentikan kegiatan mengkafir itu.

Dalam sidang itu, **Majlis Raja-Raja** memperakukan bahawa sesiapa yang menuaun atau menganggap orang lain yang beragama Islam sebagai kafir, adalah melakukan perbuatan haram dan hendaklah bertaubat di samping menghentikannya segera.

Bercakap kepada pemberita selepas berucap di majlis sambutan Inwatan ke Projek Penyusunan Semula Kampung, Kampung Parit Mahang di sini, beliau memberi jaminan bahawa undang-undang itu cuma akan dikuatkuasakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan itu selepas ia digubal.

Hak mutlak raja-raja

Keputusan yang diambil oleh Majlis Raja-Raja terpaksa dipatuhi kerana pentadbiran agama di negara ini adalah hak mutlak raja-raja, ujar beliau.

"Kita cuba menyelesaikan isu mengkafir itu melalui debat, tetapi Yang di-Pertuan Agong dengan di-persetujui oleh raja-raja berpendapat bahawa ini bukannya soal yang boleh diselesaikan secara politik.

"Sebagai ahli dan presiden parti serta kerajaan, keputusan itu terpaksa diterima kerana kerajaan sendiri tidak mempunyai hak dalam bidang itu," tegas beliau.

Apabila disoal sama ada beliau lega kerana perkara itu telah selesai, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, "Ini bukan soal lega atau tidak, kerana saya hanya merasa lega kalau tidak perlu mengambil apa-apa tindakan.

Kata beliau, kelegaan itu hanya dapat dirasakan dalam keadaan tidak ada siapa menyalahgunakan agama dan tidak perlu mengadakan undang-undang serta tidak ada perpecahan di kalangan umat Islam.

"Tetapi kalau kita sampai kepada peringkat hingga perlu mengadakan undang-undang bagi mencegah perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan, saya fikir kita telah sampai kepada satu tahap yang memerlukan umat Islam," kata beliau.

Perdana Menteri juga mengakui tidak semestinya jika setelah ada undang-undang perbuatan seperti itu tidak akan berlaku lagi.

"Walaupun kita ada undang-undang jenayah dan dadah namun perbuatan itu masih dilakukan," ujar beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika undang-undang itu benar-benar digubal, penerangan mengenai lidak akan dibuat dalam perhimpunan-perhimpunan khas.

"Barang siapa yang melakukan kesalahan selepas undang-undang itu diumumkan, mereka akan menerima kesannya," kata beliau.